

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

SEPTEMBER 2002

RPK 533 - KAEDAH DAN TEKNIK PENYELIDIKAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. (a) Jelaskan teknik analisis yang digunakan bagi setiap kes berikut:
 - i. menentukan pembahagian di antara lelaki dan perempuan dalam sampel anda.
 - ii. menentukan pengagihan pendapatan penduduk dalam sampel.
 - iii. menentukan samada taraf pendidikan mempengaruhi perbezaan pendapatan di antara lelaki dan perempuan.
 - iv. menentukan samada tahap pendapatan golongan tua berbeza dengan golongan yang lebih muda.(b) Dengan perkataan anda sendiri jelaskan perbezaan di antara kaedah statistik deskriptif dan inferen.

(25 markah)
2. (a) Jelaskan konsep-konsep penyelidikan berikut:
 - i. Kesahan (*validity*).
 - ii. Unit analisis.
 - iii. Kebolehpercayaan (*reliability*).
 - iv. Deduksi dan induksi.(b) Apakah yang dimaksudkan rangka persampelan? Dengan ringkas, jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil di dalam penyelidikan sekiranya ketiadaan rangka persampelan tersebut.

(25 markah)

...2/-

- 2 -

3. (a) Huraikan langkah-langkah dalam proses melaksanakan projek penyelidikan.

- (b) Bincangkan kenyataan, "Penyelidikan itu adalah satu kaedah sains".

(25 markah)

4. Bincangkan hubungan dan peranan konsep, teori dan hipotesis dalam penyelidikan.

(25 markah)

5. Anda ditugaskan untuk menentukan sampel rawak pengundi di sebuah kawasan yang mempunyai jumlah pengundi seramai 50,000 orang. Tujuan persampelan ini untuk mengkaji cara-cara mereka akan mengundi.

Berapakah saiz sampel yang diperlukan? Jelaskan bagaimana anda menentukan saiz tersebut dan mengapa.

(25 markah)

6. Jelaskan mod pengamatan yang bersesuaian dengan kajian-kajian berikut dan mengapa anda membuat pemilihan tersebut:

- (a) Kajian untuk menentukan tahap prejudis masyarakat.
- (b) Kajian untuk mengkaji samada kadar penceraian dalam masyarakat dipengaruhi oleh kekayaan seseorang.
- (c) Kajian untuk melihat sikap para pelajar kepada penggunaan komputer dan teknologi terkini dalam bidang perancangan.
- (d) Kajian untuk menentukan tahap penerimaan pembangunan orang-orang Asli di kawasan pedalaman.
- (e) Kajian untuk menentukan impak sosial kepada penduduk akibat daripada pembinaan lebuhraya di kawasan mereka.

(25 markah)

... 3/-

- 3 -

7. Berasaskan konsep **pembangunan mampan**,

- (a) Nyatakan takrif nominal konsep tersebut.
- (b) Binakan takrifan yang dapat membantu anda mengoperasikan penyelidikan tentang kemiskinan:
 - (i) Tentukan dimensi-dimensi pembangunan mampan. Sediakan petunjuk-petunjuk untuk dimensi-dimensi tersebut.
 - (ii) Sediakan petunjuk-petunjuk dalam bentuk pembolehubah yang mengukur konsep tersebut.

(25 markah)